

## Reaksi

## Pembabitan pelajar IPT dalam gejala dadah



Mereka berada jauh dari keluarga dan tiada siapa untuk berkongsi masalah dihadapi, justeru mudah terjebak dengan kegiatan tidak sihat”

**Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran,**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM



Jika ada pelajar terbabit gejala sosial, kami akan memberikan khidmat kaunseling untuk membantu mereka”

**Muhammad Rasif Othman,**  
Yang Dipertua JPP Kolej Komuniti Kebangsaan

# Beri sokongan moral jauhi dadah

Oleh Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak  
meor.ahmad@bh.com.my

## ► Kuala Lumpur

Gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan penuntut menara gading bukan sahaja membabitkan pelajar bermasalah tetapi juga mereka yang berpenapaian cemerlang.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad

Shatar Sabran, berkata pelajar terbabit bagaimanapun perlu dibimbing dari peringkat awal dan bukan terus disisih atau dihukum secara langsung.

Katanya, rakan di kampus berperanan penting memahami faktor permasalahan itu, sekali gus memberikan sokongan moral supaya mereka berupaya membebaskan diri daripada belunggu dadah.

Selain itu, beliau berkata, pihak pengurusan universiti juga perlu membantu, termasuk melalui khidmat kaun-

seling dan menyuntik kesedaran untuk kembali ke pangkal jalan.

### Kombinasi usaha

“Jangan sesekali mengasingkan mereka kerana tindakan itu bukan mendatangkan kebaikan, sebaliknya menjadikan pelajar berkenaan semakin terjerumus dengan gejala dadah.

“Saya percaya bahawa kombinasi usaha pihak pengurusan universiti dengan rakan pengajian mampu memberi kesedaran untuk mereka tidak terus

terjebak,” katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Prof Dr Mohammad Shatar berkata, kebanyakan pelajar terbabit penyalahgunaan dadah akibat tekanan masalah, pengaruh rakan, berputus asa dan faktor berkaitan keluarga.

“Mereka berada jauh dari keluarga dan tiada siapa untuk berkongsi masalah dihadapi, justeru mudah terjebak dengan kegiatan tidak sihat.

### Pantau keadaan

“Jika tindakan awal tidak diambil segera untuk

membantu, perkara itu dikhuatiri menjadi semakin serius,” katanya.

Sementara itu Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Kolej Komuniti Kebangsaan, Muhammad Rasif Othman, berkata pihaknya sentiasa memantau keadaan pelajar dan mengambil inisiatif menyuntik pendedahan penting menerusi program antidadah.

“Jika ada pelajar terbabit gejala sosial, kami akan memberikan khidmat kaunseling untuk membantu mereka,” katanya.